

Simpanan kecemasan dalam kalangan generasi milenium: Perbandingan pengetahuan dan tingkah laku kewangan

Abd Rahim Abd Razak¹, Zaimah, R², Sarmila, M. S.²

¹Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Aras 4, Podium 1, Menara PETRA, No. 25
Persiaran Perdana Presint 4

²Program Sains Pembangunan, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Zaimah, R. (email: zaimahr@ukm.edu.my)

Received: 19 December 2023; Accepted: 4 October 2024; Published: 29 November 2024

Abstrak

Simpanan kecemasan merupakan suatu dana simpanan yang boleh digunakan bagi sebarang perbelanjaan luar jangka semasa berlakunya situasi kecemasan, gangguan kewangan atau kegawatan ekonomi yang boleh memberi kesan negatif ke atas kesejahteraan hidup. Generasi milenium menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan yang mengganggu mereka dalam menyediakan simpanan kecemasan. Malahan, simpanan kecemasan mereka turut dipengaruhi oleh tahap pengetahuan kewangan dan tingkah laku kewangan. Justeru artikel ini akan membincangkan pola simpanan kecemasan, tahap pengetahuan kewangan dan pola tingkah laku kewangan dalam kalangan generasi milenium. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan seramai 364 orang generasi milenium di Kampung Sungai Ramal Dalam, Kajang. Teknik persampelan bertujuan menggunakan borang soal selidik diaplikasikan dalam kajian. Analisis diskriptif dilakukan bagi menjelaskan keseluruhan hasil kajian. Analisis ujian-t pula dilaksanakan bagi membuat perbandingan pengetahuan kewangan dan tingkah laku kewangan di antara kumpulan responden yang ada simpanan kecemasan dengan kumpulan responden yang tiada simpanan kecemasan. Hasil kajian menunjukkan tahap simpanan kecemasan dalam kalangan generasi milenium di Kampung Sungai Ramal Dalam berada pada tahap yang tinggi, yakni dapat menampung sebarang perbelanjaan kecemasan bagi tempoh masa melebihi atau sama dengan tiga bulan. Selain itu, kumpulan responden yang ada simpanan kecemasan mempunyai tingkah laku kewangan yang lebih baik berbanding kumpulan responden yang tiada simpanan kecemasan. Manakala tahap pengetahuan kewangan bagi kedua-dua kumpulan responden adalah tinggi dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Bagi meningkatkan lagi tahap simpanan kecemasan, pengetahuan kewangan dan amalan tingkah laku kewangan yang berhemah dalam kalangan generasi milenium, program pendidikan kewangan secara komprehensif dan berkala wajar diadakan oleh pihak-pihak berkepentingan. Generasi milenium yang mempunyai simpanan kecemasan mencukupi akan lebih bersedia untuk menghadapi sebarang kejutan kewangan semasa berlakunya situasi kecemasan dan ia juga dapat menjamin kesejahteraan hidup dan kewangan mereka.

Kata kunci: Generasi milenium, kewangan, pengetahuan, simpanan kecemasan, tingkah laku

Emergency savings among millennials: A comparison of financial knowledge and behavior

Abstract

Emergency savings is a savings fund that can be used for any unexpected expenses during an emergency situation, financial disruption or economic turmoil that can have a negative impact on the well-being of life. The millennial generation faces various challenges in life that hinder them in preparing emergency savings. In fact, their emergency savings are also influenced by the level of financial knowledge and financial behavior. Therefore this article will discuss the pattern of emergency savings, the level of financial knowledge and the pattern of financial behavior among the millennial generation. This study uses a quantitative approach involving a total of 364 people of the millennial generation in Kampung Sungai Ramal Dalam, Kajang. Purposive sampling techniques using questionnaires were applied in the study. Descriptive analysis was performed to explain the overall results of the study. A t-test analysis was carried out to compare financial knowledge and financial behavior between the group of respondents who had emergency savings and the group of respondents who did not have emergency savings. The results of the study show that the level of emergency savings among the millennial generation in Kampung Sungai Ramal Dalam is at a high level, which means that they can cover any emergency expenses for a period of time greater than or equal to three months. In addition, the group of respondents who have emergency savings have better financial behavior than the group of respondents who do not have emergency savings. While the level of financial knowledge for both groups of respondents is high and there is no significant difference. In order to further increase the level of emergency savings, financial knowledge and prudent financial behavior practices among the millennial generation, comprehensive and regular financial education programs should be held by stakeholders. The millennial generation that has enough emergency savings will be better prepared to face any financial shock during an emergency situation and it can also ensure their life and financial well-being.

Keywords: Millennial generation, financial, knowledge, emergency savings, behavior

Pendahuluan

Pengendalian simpanan kewangan individu merupakan perkara penting bagi ahli ekonomi kerana ia menjadi salah satu kebimbangan utama dalam kalangan masyarakat ketika terjadinya krisis ekonomi dan kewangan di negara tersebut. Mengikut Babiarz dan Robb (2014), kekurangan simpanan dalam isi rumah tidak hanya berpotensi menyebabkan masalah kewangan jangka panjang, tetapi juga menimbulkan kebimbangan dalam jangka pendek terhadap kemampuan isi rumah tersebut untuk memenuhi keperluan belanja yang tidak terduga dan keperluan harian mereka. Oleh itu, simpanan kecemasan memainkan peranan penting dalam menjaga kestabilan kewangan isi rumah, kerana ia berfungsi sebagai pelindung terhadap sebarang gangguan kewangan yang tidak terduga.

Ketidakmampuan individu atau isi rumah untuk menghadapi keperluan kewangan yang tidak terduga dapat mengakibatkan berbagai situasi yang negatif atau tidak diinginkan dalam

kehidupan mereka (Brobeck, 2008). Apabila jumlah simpanan kecemasan dalam suatu isi rumah semakin berkurang, kebanyakan isi rumah melaporkan kekhuatiran tentang perbelanjaan sehari-hari seperti pembayaran bil utiliti bulanan, pembayaran minimum untuk pinjaman kad kredit dan pinjaman lainnya, serta kesulitan dalam membayar angsuran pinjaman rumah atau sewa rumah. Menurut Gjertson (2014), isi rumah dengan pendapatan rendah yang memiliki simpanan kecemasan cenderung mengalami tingkat kesulitan hidup yang lebih rendah. Hal ini mendukung konsep bahwa meskipun simpanan kecemasan yang kecil namun teratur dapat memainkan peranan penting sebagai perlindungan bagi isi rumah berpendapatan rendah.

Penyediaan simpanan kecemasan merupakan langkah penting dalam persiapan kewangan individu, dan dapat terkait dengan sikap dan perilaku individu dalam mengelola keuangan dalam kehidupan sehari-hari. Menurut Shafinar et al. (2020), ada beberapa faktor yang mempengaruhi seseorang dalam menyediakan simpanan kecemasan, termasuk perilaku kewangan, pengetahuan kewangan, keberkesanan kewangan pribadi, dan amalan pengurusan kewangan yang baik. Nur Shuhada et al. (2017) menjelaskan bahwa penyediaan simpanan kecemasan melibatkan tiga tingkah laku kewangan utama, iaitu menabung, pengeluaran, dan pelaburan.

Sementara itu, Lee et al. (2019) mendapati terdapat hubungan signifikan dan positif antara pengetahuan kewangan dengan simpanan kecemasan bagi golongan milenium, yakni tahap pengetahuan kewangan yang tinggi boleh meningkatkan kadar simpanan kecemasan mereka. Tetapi bagi golongan milenium yang baru memulakan pekerjaan selepas menamatkan pengajian dilihat amat sukar untuk memulakan sikap dan amalan membuat simpanan kecemasan, apatah apabila berlaku musibah luar jangka seperti pandemik COVID-19. Selain itu, kemampuan individu untuk menyediakan simpanan kecemasan adalah bergantung kepada perancangan dan pengurusan sumber kewangan yang dimiliki (Nur Shuhada et al., 2018; Mohd Nasaruddin, 2020).

Kesimpulannya, perancangan dan pelaksanaan simpanan kecemasan dalam kalangan generasi milenium merupakan satu tindakan pengurusan kewangan yang penting dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Perancangan simpanan kecemasan untuk menghadapi sebarang kemungkinan kejutan kewangan kepada golongan ini merupakan suatu perkara yang perlu dibuat seawal mungkin. Justeru itu, artikel ini akan membincangkan pola simpanan kecemasan, tahap pengetahuan kewangan dan pola tingkah laku kewangan dalam kalangan generasi milenium.

Ulasan Karya

Generasi milenium

Generasi milenium merujuk kepada individu yang dilahirkan antara tahun 1980an hingga awal 2000an dan digambarkan sebagai pengguna mahir teknologi digital (*digital natives*), bersifat kreatif, berfokuskan tindakan penyelesaian, aktif bersosial dan berorientasikan semangat berpasukan (DeVaney, 2015). Generasi milenium ini juga dikenali dengan pelbagai istilah lain seperti 'Generasi Y', 'Generasi Net', 'Generasi Me' dan 'Generasi Gaming' berdasarkan perwatakan, tingkah laku dan peristiwa penting yang berlaku dalam kohort kelahiran generasi tersebut seperti revolusi media sosial iaitu facebook dan instagram dan kedatangan fenomena Year 2000 (Y2K) pada tahun 2000 (Nurul Huda, 2020).

Perkembangan generasi milenium ini selaras dengan perkembangan teknologi digital baharu di dunia yang telah mengubah corak kehidupan seharian dari segi komunikasi, pekerjaan dan pertukaran maklumat. Generasi milenium kajian ini merujuk kepada generasi yang berumur

antara 20 hingga 42 tahun, iaitu lahir pada tahun 1981 hingga 2002. Hal ini selari dengan Strauss dan Howe (2000) yang mengelaskan generasi milenium adalah mereka yang lahir pada tahun 1982 hingga 2004. Generasi milenium ini adalah yang berhadapan dengan pelbagai cabaran kewangan dalam kehidupan dan mempunyai risiko yang tinggi apabila berlaku gangguan kewangan jika tidak mempunyai simpanan kecemasan yang mencukupi.

Simpanan kecemasan

Simpanan kecemasan adalah suatu rizab tunai yang khusus disimpan untuk suatu perbelanjaan dan keperluan yang tidak dirancang atau semasa berlakunya kecemasan kewangan. Johnson dan Widdows (1985) menghuraikan simpanan kecemasan sebagai suatu pegangan kewangan yang tersedia digunakan bagi menampung sebarang perbelanjaan semasa berlakunya gangguan pendapatan tanpa mengubah taraf hidup isi rumah semasa. Apabila seseorang individu atau sebuah keluarga itu mempunyai simpanan kecemasan yang mencukupi, ianya dapat berfungsi sebagai satu bentuk perlindungan terhadap sebarang gangguan ekonomi dan mengurangkan risiko kesusahan isi rumah (household hardship) yang memberi implikasi negatif terhadap kesejahteraan hidup keluarga.

Menurut Johnson dan Widdows (1985) terdapat tiga kategori simpanan kecemasan iaitu segera, pertengahan dan komprehensif. Kategori simpanan kecemasan segera adalah simpanan wang yang dibuat dalam akaun simpanan biasa. Kategori simpanan kecemasan pertengahan merangkumi simpanan wang dalam tempoh jangka panjang seperti akaun simpanan tetap. Manakala kategori komprehensif pula merangkumi semua instrumen aset kewangan yang lain seperti saham dan bon. Oleh itu, simpanan kecemasan dalam kajian ini merujuk kepada simpanan kewangan yang dimiliki dan dapat digunakan bagi menampung perbelanjaan semasa berlakunya sebarang situasi kecemasan kewangan atau keperluan perbelanjaan yang tidak dirancang.

Tingkah laku kewangan

Menurut Xiao (2008) tingkah laku kewangan ditakrifkan sebagai mana-mana tingkah laku seseorang individu yang berkaitan dengan pengurusan wang termasuklah tingkah laku penggunaan wang tunai, pinjaman dan simpanan. Tingkah laku kewangan memberi kesan kepada kehidupan generasi milenium sama ada bagi tempoh jangka pendek atau jangka panjang kerana ia merupakan suatu tabiat dan amalan gaya hidup yang dapat mencorakkan sesuatu keputusan dan hasil kewangan generasi milenium. Selain itu, tingkah laku kewangan memainkan peranan penting dalam mencapai kesejahteraan kewangan dalam kehidupan seseorang individu. Dalam kajian ini, tingkah laku kewangan adalah merujuk kepada definisi yang ditakrifkan oleh Xiao (2008).

Pengetahuan kewangan

Pengetahuan kewangan adalah merujuk kepada pemahaman mengenai terma dan konsep kewangan utama yang diperlukan untuk berfungsi dalam kehidupan seharian masyarakat seperti urusan perbankan, simpanan, insurans, pemilikan rumah, penggunaan kredit, cukai dan pelaburan (Bowen, 2002). Selain itu, Lusardi dan Mitchell (2014) juga menyatakan pengetahuan kewangan saling berkaitan dengan aspek tingkah laku kewangan berhubung komponen-komponen kewangan seseorang individu seperti pinjaman, simpanan dan pelaburan. Individu yang mempunyai tahap pengetahuan kewangan yang baik akan dapat membuat keputusan kewangan yang tepat dan betul

serta mempunyai perancangan kewangan yang teratur. Maka, individu berkenaan dapat menguruskan perihal kewangan mereka dengan bijak dan memahamai bagaimana fungsi institusi kewangan, kegunaan dan kepentingan sesuatu instrumen kewangan. Bagi tujuan kajian ini, tafsiran dan huraian mengenai pengetahuan kewangan yang diberikan oleh Bowen (2002) dan Lusardi dan Mitchell (2014) akan digunakan.

Faktor-faktor yang mempengaruhi simpanan kecemasan

Di negara Amerika Syarikat, analisis yang dibuat oleh West dan Mottola (2016) berdasarkan dapatan data daripada Kajian Keupayaan Kewangan Nasional tahun 2012 mendapati 58% daripada keseluruhan responden yang dikaji tidak mempunyai simpanan kecemasan yang mencukupi bagi menampung perbelanjaan bagi tempoh selama 3 bulan. Apabila difokuskan kepada populasi generasi milenium merupakan kumpulan populasi yang teramai di negara berkenaan, Friedline dan West (2015) melalui kajian yang dilaksanakan ke atas 6,865 generasi milenium yang berumur antara 18 hingga 34 tahun di Amerika Syarikat mendapati hanya 35% generasi milenium yang mempunyai simpanan kecemasan. Manakala kajian oleh Kyoung et al. (2019) pula mendapati hanya 41.17% generasi milenium di Amerika Syarikat yang mempunyai simpanan kecemasan. Hal ini menunjukkan simpanan kecemasan bagi generasi milenium di negara maju seperti Amerika Syarikat masih lagi pada tahap sederhana.

Di Malaysia pula, kajian oleh Goi et al. (2019) mendapati 83.5% atau 142 responden generasi milenium (keseluruhan responden generasi milenium seramai 170 orang) mempunyai simpanan persendirian (*private savings*). Manakala Yiing (2016) mendapati sebanyak 79% daripada responden generasi milenium yang dikaji tidak mempunyai simpanan kecemasan yang mencukupi sekurang-kurangnya bersamaan dengan 3 bulan perbelanjaan sara hidup jika mereka kehilangan sumber pendapatan. Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (2018) melaporkan kurang 10% penduduk yang bekerja boleh menyara kehidupan lebih daripada 6 bulan jika mereka kehilangan pekerjaan. Dapatan ini menunjukkan tahap simpanan kewangan penduduk Malaysia adalah rendah dan memerlukan perhatian yang sewajarnya oleh pihak yang berkepentingan.

Beberapa kajian lepas yang telah dilakukan oleh penyelidik-penyelidik bagi mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi simpanan kecemasan bagi seseorang individu. Friedline dan West (2015) merumuskan faktor-faktor demografi bagi generasi milenium di Amerika Syarikat seperti gender lelaki, kelulusan akademik peringkat ijazah dan ke atas, bekerja sepenuh masa, mempunyai pendapatan isi rumah yang tinggi dan memiliki rumah kediaman adalah lebih tinggi nilai peratusannya mempunyai simpanan kecemasan berbanding kohort kategori demografi yang berbeza. Analisis oleh West dan Mottola (2016) mendapati faktor-faktor seperti tahap pendidikan, tahap pendapatan dan tahap pengetahuan kewangan yang rendah mempengaruhi secara signifikan jumlah simpanan kecemasan yang rendah dan tidak mencukupi bagi seseorang individu. Faktor tahap pendapatan amat mempengaruhi dan memberi kesan kepada amalan membuat simpanan kewangan dan perancangan kewangan dalam kalangan generasi milenium di India (Venkataraman & Venkatesan, 2020).

Bagi individu yang menyewa rumah kediaman, West dan Mottola (2016) mendapati golongan ini mempunyai tahap simpanan kecemasan yang lebih rendah berbanding dengan individu yang memiliki rumah kediaman. Keadaan ini disebabkan majoriti penyewa rumah kediaman berada dalam kelompok berpendapatan rendah yang berisiko mengalami kejutan pendapatan atau perbelanjaan. Golongan penyewa ini juga berisiko berhadapan dengan tindakan

pengusiran oleh tuan rumah jika tidak dapat membayar sewa rumah dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Sokongan dan bantuan kewangan daripada pihak keluarga juga memberi kesan kepada penyediaan simpanan kecemasan bagi seseorang individu atau sesebuah isi rumah. Kajian Dhakhwa dan Babiartz (2019) menunjukkan seseorang individu yang beranggapan bahawa pihak keluarga atau saudara-mara akan memberi bantuan kewangan kepada dirinya apabila berlakunya situasi kecemasan akan mempunyai tahap persepsi dan keperluan yang lebih rendah dalam menyediakan simpanan kecemasan. Keadaan ini juga berlaku kepada individu yang lebih berminat untuk mendapatkan pinjaman kewangan dengan institusi perbankan, pajak gadai atau institusi kewangan sosial yang lain di mana mereka juga mempunyai tahap persepsi dan keperluan yang rendah untuk menyediakan simpanan kecemasan.

Manakala kajian Yiing (2016) yang dilaksanakan di Malaysia mendapati faktor-faktor seperti tahap pengetahuan kewangan, tahap pendidikan dan jumlah pendapatan yang diterima oleh seseorang individu memberi kesan yang signifikan terhadap tahap persediaan simpanan kecemasan untuk berhadapan dengan sebarang insiden kehilangan sumber pendapatan. Tambahan pula, kaedah membuat simpanan melalui instrumen pelaburan amat membantu individu tersebut lebih bersedia dari segi kemampuan kewangan bagi menghadapi sebarang kejutan kehilangan pendapatan berbanding individu yang menyimpan secara konservatif melalui instrumen simpanan tradisional sahaja. Walau bagaimanapun, Yiing (2016) mendapati faktor tingkah laku kewangan tidak memberi kesan yang signifikan kepada tahap persediaan kewangan dan simpanan kecemasan untuk berhadapan dengan sebarang insiden kehilangan sumber pendapatan.

Bagi masyarakat Melayu khususnya, kajian Goi et al. (2019) menyatakan peranan dan sokongan ibu bapa dan kepercayaan kepada agama merupakan dua faktor yang mempengaruhi amalan membuat simpanan kewangan bagi komuniti berkenaan. Ibu bapa menjadi agen sosialisasi utama kepada anak-anak mereka bagi memberi pengetahuan kewangan dan membentuk tingkah laku kewangan dalam meningkatkan keupayaan anak-anak mereka bagi melaksanakan amalan menyimpan wang. Manakala faktor-faktor lain seperti karakter individu, keupayaan kognitif, pengaruh rakan sebaya, media, tempat kerja, dan efikasi sendiri (self-efficacy) didapati tidak memberi kesan yang signifikan kepada masyarakat Melayu dalam melaksanakan amalan menyimpan wang.

Sementara itu, Nur Muzdalifah dan Zaimah (2021) mendapati generasi milenium di Malaysia terutamanya golongan lelaki mengamalkan amalan menyimpan wang dan mempunyai simpanan kewangan yang mencukupi untuk tujuan perkahwinan. Perkara ini kerana anggaran kos perkahwinan adalah tinggi sekitar RM10,000.00 hingga RM15,999.00. Selain daripada sumber simpanan sendiri bagi membiayai kos perkahwinan, dua sumber kewangan yang lain adalah sumbangan kewangan daripada keluarga dan melakukan pinjaman kewangan dengan institusi perbankan.

Kaedah kajian

Kajian ini dijalankan di Kampung Sungai Ramal Dalam yang terletak dalam Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui instrumen borang soal selidik bagi pengumpulan data, mengukur dan menganalisis dapatan data yang diperolehi. Sampel bagi kajian ini adalah generasi milenium yang berumur di antara 20 hingga 42 tahun. Merujuk Jabatan Perangkaan Negara (2022) jumlah populasi penduduk

Kampung Sungai Ramal tahun 2022 ialah 9,562 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,408 orang adalah dalam kategori generasi milenium. Berdasarkan Krejcie dan Morgan (1970) saiz sampel kajian ialah 364. Teknik persampelan bertujuan menggunakan borang soal selidik digunakan bagi pengumpulan data. Soal selidik mengandungi empat bahagian, iaitu profil responden, maklumat simpanan kecemasan, pengetahuan kewangan dan tingkah laku kewangan. Pengukuran pengetahuan adalah berdasarkan pernyataan betul dan salah. Manakala pengukuran tingkah laku kewangan pula menggunakan skala likert. Analisis diskriptif dilakukan bagi menjelaskan keseluruhan hasil kajian. Analisis ujian-t pula dilaksanakan bagi membuat perbandingan pengetahuan kewangan dan tingkah laku kewangan di antara kumpulan responden yang ada simpanan kecemasan dengan kumpulan responden yang tiada simpanan kecemasan. Sementara itu, pentafsiran bagi pengukuran tahap skor purata adalah rendah (1.00-2.33); sederhana (2.34-3.67) dan tinggi (3.68-5.00) (Md Yusoff et al., 2016).

Hasil kajian dan perbincangan

Profil responden

Jadual 1 menunjukkan profil responden. Kajian ini melibatkan seramai 364 responden yang terdiri daripada 47% lelaki dan 53% perempuan. Majoriti responden berbangsa Melayu (97.8%), diikuti oleh kaum Bumiputera Sarawak (0.8%), Cina (0.5%) dan India (0.5%). Bagi kategori umur, kumpulan umur 36 hingga 40 tahun mempunyai bilangan responden yang paling ramai (26.1%). Kemudian diikuti oleh kumpulan umur 31 hingga 35 tahun (23.6%) dan kumpulan umur 41 hingga 42 tahun (19.5%).

Bagi item kategori pekerjaan, responden yang bekerja dalam sektor swasta merupakan kumpulan responden paling ramai (41.8%), diikuti oleh responden yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan (36.5%) dan bekerja sendiri (14.8%). Terdapat juga responden menyatakan sebagai pelatih (1.9%), pelajar/mahasiswa (1.9%) dan penganggur (3.0%). Majoriti responden kajian seramai 70.3% mempunyai status pekerjaan yang berstatus tetap dan 14.3% responden pula bekerja secara kontrak. Hanya 7.4% responden bekerja secara harian. Jumlah responden yang bekerja di luar kawasan Kampung Sungai Ramal Dalam adalah seramai 62.1% berbanding 37.9% yang bekerja dalam kawasan Sungai Ramal Dalam. Bagi item tempoh masa bekerja pula menunjukkan 27.2% responden telah bekerja selama 11-15 tahun, diikuti dengan tempoh masa bekerja 1-5 tahun (24.5%), lebih 16 tahun (16.2%), 6-10 tahun (15.9%), kurang dari 1 tahun (11.5%) dan tidak berkaitan (4.7%).

Maklumat pendapatan bulanan individu pula menunjukkan seramai 64.0% responden menerima pendapatan bulanan kurang daripada RM4,000.00. Manakala baki 36.0% menerima pendapatan bulanan individu melebihi RM4,000.00 sebulan. Kategori pendapatan kurang RM2,000.00 sebulan mempunyai jumlah responden teramai (32.7%), diikuti oleh kategori pendapatan antara RM2,001.00 hingga RM4,000.00 (31.3%). Bagi item jumlah pendapatan isi rumah yang merangkumi pendapatan responden dan pasangan, 32.7% responden berada dalam kumpulan pendapatan isi rumah antara RM4,851.00 hingga RM10,970.00, diikuti oleh kumpulan pendapatan isi rumah kurang RM4,850.00 iaitu (24.2%), RM10,971.00 hingga RM15,040.00 (11.8%) dan melebihi RM15,041.00 (6.0%). Selain itu, seramai 25.3% responden tidak terlibat dengan analisis maklumat pendapatan isi rumah. Item profil responden terakhir adalah mengenai status rumah kediaman semasa iaitu seramai 38.7% responden telah memiliki rumah kediaman


sendiri, diikuti dengan menyewa rumah kediaman (32.4%), tinggal di rumah kediaman milik keluarga (24.2%) dan menetap di rumah kuarters atau rumah milik majikan (4.7%).

Jadual 1. Profil responden

Perkara	Kekerapan		Perkara	Kekerapan	
	Bil.	Peratus		Bil.	Peratus
Jantina			Kategori Pekerjaan		
▪ Lelaki	171	47.0	▪ Kakitangan Kerajaan	133	36.5
▪ Perempuan	193	53.0	▪ Swasta	152	41.8
Umur			▪ Bekerja Sendiri	54	14.8
▪ 20-25 tahun	54	14.8	▪ Pelatih	7	1.9
▪ 26-30 tahun	58	15.9	▪ Penganggur	11	3.0
▪ 31-35 tahun	86	23.6	▪ Pelajar/Mahasiswa	7	1.9
▪ 36-40 tahun	95	26.1	Status Pekerjaan		
▪ 41-42 tahun	71	19.5	▪ Tetap	256	70.3
Kaum			▪ Kontrak	52	14.3
▪ Melayu	356	97.8	▪ Harian	27	7.4
▪ Bumiputera Sarawak	4	1.1	▪ Percubaan	7	1.9
▪ Cina	2	0.5	▪ Tidak Berkaitan	22	6.0
▪ India	2	0.5	Tempoh Masa Bekerja		
Agama			▪ Kurang dari 1 tahun	42	11.5
▪ Islam	362	99.5	▪ 1 hingga 5 tahun	89	24.5
▪ Buddha	1	0.3	▪ 6 hingga 10 tahun	58	15.9
▪ Hindu	1	0.3	▪ 11 hingga 15 tahun	99	27.2
Status Perkahwinan			▪ Lebih 16 tahun	59	16.2
▪ Bujang	96	26.4	▪ Tidak berkaitan	17	4.7
▪ Berkahwin	261	71.7	Lokasi Tempat Kerja		
▪ Ibu/Bapa Tunggal atau Balu	7	1.9	▪ Dalam Sungai Ramal Dalam	138	37.9
Bilangan Tanggungan			▪ Luar Sungai Ramal Dalam	226	62.1
▪ Tiada tanggungan			Jumlah Pendapatan Individu		
▪ 1 orang	108	29.7	▪ Kurang RM2,000.00	119	32.7
▪ 2 orang	26	7.1	▪ RM2,001.00 - RM4,000.00	114	31.3
▪ 3 orang	44	12.1	▪ RM4,001.00 - RM6,000.00	54	14.8
▪ 4 orang	67	18.4	▪ RM6,001.00 - RM8,000.00	47	12.9
▪ 5 orang	54	14.8	▪ RM8,001.00 - RM10,000.00	20	5.5
▪ 6 orang atau lebih	35	9.6	▪ Melebihi RM10,001.00	10	2.7
	30	8.2	Jumlah Pendapatan Isi Rumah		
Tahap Kelulusan Akademik			▪ Kurang RM4,850.00	88	24.2
▪ SPM			▪ RM4,851.00 - RM10,970.00	119	32.7
▪ STPM	64	17.6	▪ RM10,971.00 - RM15,040.00	43	11.8
▪ Diploma	12	3.3	▪ Melebihi RM15,041.00	22	6.0
▪ Ijazah	88	24.2	▪ Tidak Berkaitan	92	25.3
▪ Ijazah Sarjana	144	39.6	Status Rumah Kediaman		
▪ Doktor Falsafah (PhD)	45	12.4	▪ Milik Sendiri	141	38.7
	11	3.0	▪ Sewa	118	32.4
			▪ Rumah Keluarga	88	24.2
			▪ Kuarters/Milik Majikan	17	4.7

Status simpanan kecemasan

Bahagian ini menjelaskan analisis maklumat simpanan kecemasan responden. Penjelasan akan dimulai dengan responden yang mempunyai simpanan kecemasan dan seterusnya diikuti dengan penjelasan bagi responden yang tidak mempunyai simpanan kecemasan. Rajah 1 menunjukkan status simpanan kecemasan responden, iaitu 74.2% responden mempunyai simpanan kecemasan dan 25.8% responden tidak mempunyai simpanan kecemasan. Daripada 270 responden yang mempunyai simpanan kecemasan, 46.3% adalah lelaki dan 53.7% adalah perempuan. Sementara itu, daripada jumlah 94 responden yang tidak mempunyai simpanan kecemasan, 48.9% adalah lelaki dan 51.1% adalah perempuan. Kajian Friedline dan West (2015) dan Kyoung et al. (2019) masing-masing mencatatkan 35% dan 41% generasi milenium di Amerika Syarikat mempunyai simpanan kecemasan.



Rajah 1. Status simpanan kecemasan

Perbandingan tingkah laku kewangan: Ada vs. tiada simpanan kecemasan

Terdapat enam aspek dalam instrumen tingkah laku kewangan iaitu perancangan kewangan (item nombor 1 dan 2), perbelanjaan (item nombor 3, 4, 5 dan 9), kad kredit (item nombor 6 dan 10), pinjaman (item nombor 7, 8, 11 dan 12), simpanan (item nombor 12) dan pelaburan (item nombor 14, 15 dan 16). Analisis tingkah laku kewangan dibuat berdasarkan kepada kumpulan responden ada simpanan kecemasan dan kumpulan responden tiada simpanan kecemasan. Jadual 2 menunjukkan purata dan sisihan piawai tingkah laku kewangan responden yang mempunyai simpanan kecemasan dan tingkah laku kewangan responden yang tidak mempunyai simpanan kecemasan. Secara keseluruhan, skor purata 16 item tingkah laku kewangan bagi kumpulan responden yang ada simpanan kecemasan adalah sebanyak 3.41 iaitu pada tahap yang sederhana.

Purata tingkah laku kewangan tertinggi adalah yang terbaik dan purata tingkah laku kewangan yang terendah adalah sebaliknya. Terdapat tiga belas item pernyataan tingkah laku kewangan yang mencatatkan purata melebihi 3.0 dan ke atas, iaitu item nombor 1, 2, 3, 4, 5, 8, 9, 11, 12, 13, 14, 15 dan 16. Purata tingkah laku tertinggi adalah dicatatkan pada item nombor 9, iaitu “saya membayar bayaran bil-bil utiliti dan pelbagai bil yang lain dalam pada tempoh masa yang ditetapkan”. Maka dapat dirumuskan bahawa responden mempunyai tingkah laku kewangan yang baik dalam hal-hal berkaitan pembayaran bil-bil utiliti dan pelbagai bil yang lain.

Sebaliknya terdapat tiga tingkah laku kewangan yang mencatatkan purata kurang daripada 3.0, iaitu item nombor 6, 7 dan 10. Purata tingkah laku kewangan yang terendah dicatatkan pada item nombor 7 iaitu “Saya meminjam wang daripada ibu-bapa/adik-beradik/sahabat-sahabat apabila tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk berbelanja”. Ini menunjukkan kumpulan responden ada simpanan kecemasan bertingkah laku positif iaitu tidak membuat pinjaman wang daripada keluarga atau sahabat apabila kekurangan simpanan sebaliknya mencari alternatif lain yang lebih bersesuaian bagi menampung kekurangan berkenaan.

Jadual 2. Perbandingan tingkah laku kewangan: Ada vs. tiada simpanan kecemasan

Bil	Pernyataan	Ada SK	Tiada SK
		Purata (SP)	Purata (SP)
1.	Saya menyediakan pelan perancangan kewangan untuk masa depan dan berusaha mencapainya.	3.80 (1.039)	3.18 (1.107)
2.	Saya membuat belanjawan peribadi bulanan.	3.74 (1.097)	3.10 (1.155)
3.	Saya membelanjakan wang tidak melebihi jumlah pendapatan yang saya terima.	3.97 (1.032)	3.41 (1.149)
4.	Saya meneliti dan menilai semula perbelanjaan pada akhir bulan.	3.82 (1.013)	3.36 (1.252)
5.	Saya menyimpan rekod transaksi perbelanjaan dan bayaran ansuran pinjaman bulanan sama ada secara bercetak atau elektronik.	3.53 (1.218)	2.88 (1.367)
6.	Saya menggunakan kad kredit apabila tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk berbelanja.	2.12 (1.373)	1.88 (1.335)
7.	Saya meminjam wang daripada ibu-bapa/adik-beradik/sahabat-sahabat apabila tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk berbelanja.	1.98 (1.193)	2.62 (1.201)
8.	Saya membayar ansuran pinjaman rumah, peribadi, kenderaan atau lain-lain pinjaman yang ada dalam pada tempoh masa yang ditetapkan.	4.24 (1.135)	3.96 (1.294)
9.	Saya membayar bayaran bil-bil utiliti dan pelbagai bil yang lain dalam pada tempoh masa yang ditetapkan.	4.36 (1.002)	3.96 (1.209)
10.	Saya membayar sepenuhnya jumlah bil kad kredit bagi mengelak dikenakan caj faedah.	2.72 (1.703)	2.19 (1.628)
11.	Saya menyemak status laporan pinjaman yang saya ada secara berkala.	3.47 (1.326)	3.09 (1.357)
12.	Saya membuat perbandingan produk pinjaman kewangan dan kad kredit yang ditawarkan sebelum memilih dan memohon secara rasmi.	3.17 (1.633)	2.64 (1.632)
13.	Saya memperuntukkan sebahagian wang daripada pendapatan/gaji untuk simpanan.	4.13 (0.998)	2.94 (1.125)
14.	Saya memperuntukkan sebahagian wang daripada pendapatan/gaji untuk membuat pelaburan (contoh: saham amanah/ saham/ bon).	3.12 (1.524)	1.87 (1.193)
15.	Saya membuat perbandingan produk pelaburan kewangan yang ada sebelum memilih dan membuat pelaburan.	3.24 (1.512)	2.41 (1.527)
16.	Saya menyemak status laporan instrumen pelaburan yang saya labur secara berkala.	3.08 (1.476)	2.15 (1.383)
Purata keseluruhan		3.41	2.85

Petunjuk: SK=Simpanan Kecemasan, SP=Sisihan piawai

Jadual 2 juga menunjukkan pola tingkah laku kewangan bagi kumpulan responden yang tiada simpanan kecemasan. Secara keseluruhan, skor purata 16 item tingkah laku kewangan bagi kumpulan responden yang ada simpanan kecemasan adalah sebanyak 2.85 iaitu pada tahap yang sederhana. Terdapat sebanyak tujuh item pernyataan tingkah laku kewangan yang mencatatkan purata melebihi 3.0 dan ke atas, iaitu item nombor 1, 2, 3, 4, 8, 9 dan 11. Purata tingkah laku tertinggi adalah dicatatkan pada item nombor 8 dan 9, iaitu “saya membayar bayaran bil-bil utiliti dan pelbagai bil yang lain dalam pada tempoh masa yang ditetapkan” dan “Saya membayar ansuran pinjaman rumah, peribadi, kenderaan atau lain-lain pinjaman yang ada dalam pada tempoh

masa yang ditetapkan”. Maka dapat dirumuskan bahawa responden mempunyai tingkah laku kewangan yang baik dalam hal-hal berkaitan pembayaran bil-bil utiliti dan pelbagai bayaran ansuran pinjaman yang mereka ada.

Sebaliknya terdapat sembilan tingkah laku kewangan yang mencatatkan purata kurang daripada 3.0, iaitu item nombor 5, 6, 7, 10, 12, 13, 14, 15 dan 16. Purata tingkah laku kewangan yang terendah dicatatkan pada item nombor 14 iaitu “Saya memperuntukkan sebahagian wang daripada pendapatan/gaji untuk membuat pelaburan (contoh: saham amanah/ saham/ bon)”. Hal ini menunjukkan kumpulan responden tiada simpanan kecemasan berada tahap yang rendah dalam memperuntukkan sebahagian wang daripada pendapatan/gaji yang mereka terima untuk membuat pelaburan.

Satu sampel bebas ujian-t telah dilaksanakan untuk membandingkan skor min tingkah laku kewangan antara kumpulan responden yang ada simpanan kecemasan dengan kumpulan responden yang tiada simpanan kecemasan (Jadual 3). Keputusan ujian-t yang lengkap ditunjukkan pada Lampiran C. Ujian Levene’s mendapati nilai signifikan ialah 0.054 melebihi nilai $p \geq 0.05$. Maka keputusan equal variances assumed digunakan. Keputusan ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ($t=6.559$, $df=62$, $p=0.00$). Oleh itu hipotesis nul ditolak. Terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min tingkah laku kewangan di antara kumpulan responden yang ada simpanan kecemasan ($min=3.4051$, $sp=0.72555$) dengan kumpulan responden yang tiada simpanan kecemasan ($min=2.8524$, $sp=0.63611$). Analisis ini menunjukkan bahawa kumpulan responden yang ada simpanan kecemasan mempunyai tingkah laku kewangan yang lebih baik berbanding kumpulan responden yang tiada simpanan kecemasan.

Jadual 3. Keputusan ujian-t sampel bebas ke atas min skor tingkah laku kewangan

Item	Kumpulan	N	Min	Sisihan piawai	Nilai <i>t</i>	Nilai df	Nilai signifikan (2-tailed)
Min skor tingkah laku kewangan	Kumpulan responden ada simpanan kecemasan	270	3.4051	0.72555	6.559	362	0.000
	Kumpulan responden tiada simpanan kecemasan	94	2.8524	0.63611			

Perbandingan pengetahuan kewangan: Ada vs. tiada simpanan kecemasan

Instrumen pengetahuan kewangan ini terdiri daripada 13 soalan yang meliputi perkara-perkara seperti perbelanjaan, kewangan peribadi, rekod kewangan, sistem perbankan, pelaburan dan pinjaman. Analisis pengetahuan kewangan dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan responden ada simpanan kecemasan dan kumpulan responden tiada simpanan kecemasan. Jadual 4 menunjukkan bilangan dan peratusan jawapan betul pengetahuan kewangan bagi responden yang ada simpanan kecemasan dan tiada simpanan kecemasan. Bilangan dan peratusan jawapan betul pengetahuan kewangan bagi responden yang ada simpanan kecemasan dijelaskan dahulu. Sebanyak 5 pernyataan, iaitu pernyataan nombor 1, 2, 3, 11 dan 13 mencatatkan keputusan peratusan jawapan yang betul melebihi 90%. Manakala sebanyak 7 pernyataan iaitu pernyataan nombor 4, 5, 6, 7, 8, 10 dan 12 mencatatkan peratusan jawapan yang betul antara 70% hingga 85%. Hanya 1 pernyataan yang mendapat peratusan jawapan terendah iaitu sebanyak 55.6%.

Jadual 4. Perbandingan skor pengetahuan kewangan: Ada vs. tiada simpanan kecemasan

Bil	Pernyataan	Jawapan sebenar	Ada SK	Tiada SK
			Bil. (%)	Bil. (%)
1.	Membeli barang secara tunai lebih murah berbanding membeli barang secara ansuran.	Betul	251 (93.0)	87 (92.6)
2.	Kenaikan harga barang boleh mengurangkan kuasa beli pengguna.	Betul	251 (93.0)	84 (89.4)
3.	Seseorang individu akan berada dalam keadaan terlebih belanja apabila menggunakan simpanan untuk perbelanjaan keperluan harian.	Betul	254 (94.1)	85 (90.4)
4.	Pemilik kad kredit boleh berbelanja tanpa had.	Salah	204 (75.6)	73 (77.7)
5.	Pemilikan kad kredit bukan bertujuan untuk meningkatkan kuasa membeli pengguna.	Betul	215 (79.6)	75 (79.8)
6.	Pengeluaran wang tunai menggunakan kad kredit adalah adalah berkos rendah.	Salah	207 (76.7)	76 (80.9)
7.	Tiada caj dikenakan bagi pengeluaran tunai melalui kad kredit.	Salah	216 (80.0)	77 (81.9)
8.	Perbelanjaan adalah lebih pendapatan setelah ditolak simpanan.	Betul	215 (79.6)	64 (68.1)
9.	Wang yang disimpan dalam akaun simpanan biasa boleh bernilai lebih 2 kali ganda selepas 10 tahun ianya disimpan.	Salah	150 (55.6)	53 (56.4)
10.	Kadar faedah akaun simpanan tetap adalah lebih tinggi daripada kadar faedah akaun simpanan biasa.	Betul	229 (84.8)	71 (75.5)
11.	Kadar faedah mempengaruhi nilai simpanan masa hadapan.	Betul	247 (91.5%)	90 (95.7%)
12.	Jumlah ansuran bulanan tidak boleh melebihi 20% daripada pendapatan bersih seseorang individu.	Betul	206 (76.3%)	74 (78.7%)
13.	Tidak semua bentuk pelaburan sentiasa memberikan keuntungan.	Betul	256 (94.8%)	91 (96.8%)

Petunjuk: SK=Simpanan Kecemasan, SP=Sisihan piawai

Jadual 4 juga menunjukkan bilangan dan peratusan jawapan betul bagi pengetahuan kewangan responden yang tiada simpanan kecemasan. Sebanyak 4 pernyataan iaitu pernyataan nombor 1, 3, 11 dan 13 mencatatkan keputusan peratusan jawapan yang betul melebihi 90%. Manakala sebanyak 8 pernyataan iaitu pernyataan nombor 2, 4, 5, 6, 7, 8, 10 dan 12 mencatatkan peratusan jawapan yang betul antara 70% hingga 85%. Hanya 1 pernyataan nombor 9 yang mendapat peratusan jawapan terendah iaitu sebanyak 56.4%.

Satu sampel bebas ujian-t telah dilaksanakan untuk membandingkan jumlah skor pengetahuan kewangan antara kumpulan responden yang ada simpanan kecemasan dengan kumpulan responden yang tiada simpanan kecemasan (Jadual 5). Keputusan ujian-t yang lengkap ditunjukkan pada Lampiran D. Ujian Levene's mendapati nilai signifikan ialah 0.014 melebihi nilai $p \leq 0.05$. Maka keputusan equal variances not assumed digunakan. Keputusan ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ($t=0.669$, $df=203.229$, $p=0.505$). Oleh itu hipotesis nul diterima. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam jumlah skor pengetahuan kewangan di antara kumpulan responden yang ada simpanan kecemasan ($min=10.7444$, $sp=1.55848$) dengan kumpulan responden yang tiada simpanan kecemasan ($min=10.6383$, $sp=1.2343$). Analisis ini menunjukkan bahawa kumpulan responden yang ada simpanan

kecemasan mempunyai tahap pengetahuan kewangan yang lebih kurang sama dengan kumpulan responden yang tiada simpanan kecemasan.

Jadual 5. Keputusan ujian-t sampel bebas ke atas jumlah skor pengetahuan kewangan

Item	Kumpulan	N	Min	Sisihan piawai (SP)	Nilai <i>t</i>	Nilai df	Nilai Signifikan (2-tailed)
Jumlah skor pengetahuan kewangan	Kumpulan responden ada simpanan kecemasan	270	10.7444	1.55848	0.669	203.229	0.505
	Kumpulan responden tiada simpanan kecemasan	94	10.6383	1.2343			

Kesimpulan

Kajian ini telah mendapati tahap simpanan kecemasan dalam kalangan generasi milenium di kawasan Kampung Sungai Ramal Dalam pada tahap yang tinggi. Majoriti generasi milenium membuat simpanan kecemasan pada setiap bulan. Rata-rata generasi milenium mempunyai simpanan kecemasan yang dapat menampung perbelanjaan bagi tempoh melebihi tiga bulan ke atas. Tujuan utama generasi milenium membuat simpanan kecemasan adalah untuk perbelanjaan keluarga, perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan dan persediaan membiayai kerosakan harta benda. Tiga instrumen kewangan utama yang menjadi pilihan generasi milenium sebagai medium simpanan kecemasan mereka ialah tabung haji, akaun simpanan biasa dan Amanah Saham Bumiputera (ASB).

Sebaliknya generasi milenium yang tidak mempunyai simpanan kecemasan pula menyatakan tiga sebab utama mereka tiada simpanan kecemasan ialah tidak mempunyai lebihan pendapatan, kos sara hidup yang tinggi dan komitmen yang tinggi dalam melunaskan pinjaman sedia ada. Apabila berlaku sebarang situasi kecemasan kepada generasi milenium yang tiada simpanan kecemasan ini, majoriti mereka menyatakan bahawa mereka akan membuat pinjaman wang daripada keluarga sama ada ibu bapa atau adik-beradik.

Hasil ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi tingkah laku kewangan responden yang ada simpanan kecemasan berbanding responden yang tidak mempunyai simpanan kecemasan. Dalam kata lain, tingkah laku kewangan generasi milenial yang ada simpanan kecemasan adalah lebih baik daripada generasi milenial yang tiada simpanan kecemasan. Sebaliknya hasil ujian-t tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan bagi tahap pengetahuan kewangan generasi milenial yang ada simpanan dengan generasi milenial yang tiada simpanan kecemasan.

Maka, kajian ini mencadangkan supaya program pendidikan kewangan dapat diadakan secara berkala yang turut merangkumi aspek-aspek seperti kepentingan simpanan kecemasan, amalan tingkah laku kewangan yang baik dan meningkatkan tahap pengetahuan kewangan. Pihak-pihak berkepentingan di Kampung Sungai Ramal Dalam seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Jawatankuasa Penduduk Taman Perumahan, Jawatankuasa Masjid Sungai Ramal Dalam dan pertubuhan belia yang ada boleh mendapatkan kerjasama agensi Kerajaan seperti AKPK bagi menganjurkan program pendidikan kewangan kepada generasi milenium Kampung Sungai Ramal Dalam.

Pendidikan kewangan merupakan satu kaedah yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan kewangan generasi milenium. Menurut Butar et al. (2021) pendidikan kewangan yang diberikan kepada generasi milenium akan dapat mempengaruhi secara positif pembuatan keputusan kewangan ke arah tingkah laku kewangan yang lebih baik. Yong et al. (2018) juga menyatakan pendidikan kewangan memberi kesan yang signifikan dan impak yang positif kepada tahap pengetahuan kewangan.

Oleh itu, akses kepada pendidikan kewangan dalam generasi milenium perlu diberi keutamaan supaya ianya dapat membantu generasi milenium meningkatkan tahap pengetahuan kewangan berhubung pengurusan kewangan termasuklah simpanan, pelaburan, perbelanjaan dan pengurusan pinjaman. Pendidikan kewangan yang dirancang dengan teratur dan efektif dapat membantu meningkatkan tahap pengetahuan kewangan dan membentuk amalan tingkah laku kewangan yang baik.

Bagi aspek tingkah laku kewangan, kajian mendapati kedua-dua kumpulan responden kurang memberi penekanan kepada aspek pelaburan kewangan. Sebanyak satu pertiga responden bagi kumpulan responden yang ada simpanan kecemasan tidak memberi perhatian atau mengambil berat mengenai aspek pelaburan. Manakala amalan pelaburan kewangan dalam kalangan kumpulan responden yang tiada simpanan kecemasan adalah rendah dan majoriti responden tidak membuat pelaburan.

Selain itu, generasi milenium yang tiada simpanan kecemasan juga mempunyai amalan perbelanjaan dan pengurusan rekod perbelanjaan pada tahap yang lebih rendah berbanding kumpulan responden yang ada simpanan kecemasan. Oleh itu, program pendidikan kewangan yang akan diadakan kepada generasi milenium ini perlu memberi tumpuan kepada kepentingan pelaburan kewangan dan pengurusan rekod perbelanjaan yang sistematik dan teratur.

Seterusnya bagi pengetahuan kewangan pula, hasil kajian menunjukkan beberapa kelemahan pengetahuan kewangan dalam kalangan responden kajian adalah mengenai pemilikan dan penggunaan kad kredit, simpanan wang dan pinjaman kewangan. Peratusan skor yang dicatatkan bagi ketiga-tiga aspek berkenaan adalah kurang daripada 80% bagi kedua-dua kumpulan responden. Maka, kajian juga mencadangkan supaya ketiga-tiga aspek ini dimasukkan dalam program pendidikan kewangan bagi meningkatkan pemahaman dan pengetahuan generasi milenium mengenainya.

Penghargaan

Penghargaan ditujukan kepada Geran TAP-K007772 kerana membiayai penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit. (2018). *Financial Behaviour and State of Financial Well-Being of Malaysian Working Adults*. Kuala Lumpur: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit. <https://www.akpk.org.my>
- Babiarz, P., & Robb, C. A. (2014). Financial literacy and emergency saving. *Journal of Family and Economic Issues*, 35(1), 40-50.
- Bowen, C. F. (2002). Financial knowledge of teens and their parents. *Financial Counseling and Planning*, 13(2), 93-101.

- Brobeck, S. (2008). Understanding the emergency savings needs of low- and moderate-income households: A survey-based analysis of impacts, causes, and remedies. *Consumer Federation of America*, 1-20.
- Butar, I. D. B., Puteri, O. Y., Pangaribuan, C. H., Setiono, B., & Belda, Y. R. (2021). A study on financial decision of Indonesian millennials. *International Journal of Economics and Management Systems*, 6, 104-111.
- DeVaney, S. A. (2015). Understanding the millennial generation. *Journal of Financial Service Professionals*, 69(6), 11-14.
- Dhakhwa, M., & Babiarz, P. (2019). Does family support network influence the perceived need for emergency savings?. *Consumer Interests Annual*, 65, 1-12.
- Friedline, T., & West, S. (2015). Financial education is not enough: Millennial's may need financial capability to demonstrate healthier financial behaviors. *Journal of Family and Economic Issues*, 37(4), 649-671.
- Gjertson, L. (2014). Emergency saving and household hardship. *Journal of Family and Economic Issues*, 37(1), 1-17.
- Goi, M. T., Mohd Rizal Palil, Nor Hazila Mohd Zain & Nor Hasikin Mamat. (2019). Predicting private saving within Malay community. *Asian Academy of Management Journal*, 24(1), 1-17.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). *Penemuan utama banci penduduk dan perumahan Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia. <https://www.dosm.gov.my>
- Johnson, D. P., & Widdows, R. (1985). Emergency fund levels of households. The Proceedings of the American Council on Consumer Interests 31th Annual Conference, pp. 235-241. <https://www.consumerinterests.org>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Kyoung, T. K., Anderson, S. G., & Seay, M. C. (2019). Financial knowledge and short-term and long-term financial behaviors of millennial's in the United States. *Journal of Family and Economic Issues*, 40(2), 194-208.
- Lee, Y. G., Smith, E., & Lee, J. M. (2019). Financial capability and emergency saving among millennials. *Consumer Interests Annual*, 65, 1-4.
- Lusardi, A., & Mitchell, O. S. (2014). The economic importance of financial literacy: Theory and evidence. *Journal of Economic Literature*, 52(1), 5-44.
- Majlis Perbandaran Kajang. (2020). *Draf Rancangan Kawasan Khas Kampung Sungai Ramal Dalam Kajang 2020*. Kajang: Majlis Perbandaran Kajang. <https://www.mpkj.gov.my>
- Md Yusoff Daud, Fariza Khalid & Norhayati Yusoff. (2016). Tahap kesediaan pelajar prasiswazah UKM dalam penggunaan M-pelajaran. International Conference on Education and Regional Development, 31 Oktober - 1 November, Indonesia.
- Mohd Nasaruddin Parzi. 2020. Pengurusan kewangan lemah punca gagal menyimpan. <https://www.bharian.com.my>
- Nur Muzdalifah Zulkarnain & Zaimah Ramli. (2021). Financial planning towards marriage among the millennial generation. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(1), 255-267.
- Nur Shuhada Kamarudin, Nazam Dzolkarnaini, Ahmad Fadly Nurullah Rasedee & Farah Laili Muda @Ismail. (2017). Does emergency fund provision is just about saving? A conceptual paper. *International Journal of Arts and Humanities*, 3(4), 38-42.

- Nur Shuhada Kamarudin, Nur Ainna Ramli & Ahmad Fadly Nurullah Rasedee. (2018). Why preparing an emergency fund is matter to young adults?. *International Journal of Engineering & Technology*, 7(4.28), 172-175.
- Nurul Huda Mohamad Yusof. (2020). *Perancangan kewangan ke arah persaraan dalam kalangan generasi milenium di Jabatan Perkhidmatan Awam, Putrajaya* [Degree dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Shafinar Ismail, Koe W.L., Mohd Halim Mahphoth, Rizuwan Abu Karim, Noorhidayah Yusof & Suzila Ismail. (2020). Saving behavior determinants in Malaysia: An empirical investigation. Kertas Persidangan International Conference on Economics, Business and Economic Education (ICE-BEES) 2019. Anjuran Fakulti Ekonomi Universiti Negeri Semarang, 30-31 Julai, Semarang, Indonesia.
- Strauss, W., & Howe, N. (2000). *Millenials Rising: The Next Great Generation*. Vintage Books.
- Venkataraman, R., & Venkatesan, T. (2020). A study of savings behavior on financial planning among the millennials. *RVIM Journal of Management Research*, 12(1), 39-43.
- West, S., & Mottola, G. (2016). A population on the brink: American renters, emergency savings, and financial fragility. *Poverty and Public Policy*, 8(1), 56-71.
- Xiao, J. J. (2008). Applying behavior theories to financial behavior. In. Xiao J.J. (ed.). *Handbook of Consumer Finance Research*. Springer Science & Business Media.
- Yiing, J. L. (2016). Financial preparedness for income shock among Malaysians. *Malaysian Journal of Economic Studies*, 53(2), 279-295.
- Yong, C. C., Yew, S. Y., & Wee, C. K. (2018). Financial knowledge, attitude and behaviour of young working adults in Malaysia. *Institutions and Economies*, 10(4), 21-48.